

**MEMO PENDAFTAR BIL.08/2018**

**KEPADA : SEMUA STAF & PELAJAR  
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF  
PENDAFTAR**

**TARIKH : 13 Mac 2018**

**NO.RUJUKAN : (97) dlm.UNISEL/PP/01.10**

**PERKARA : MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA PENGGUNAAN PADANG &  
KEMUDAHAN PUSAT SUKAN, UNISEL KAMPUS BESTARI JAYA**

*Assalamua'laikum wrt. Wbt & Salam Sejahtera.*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Selangor akan menganjurkan Hari Terbuka UNISEL 4.0 pada 16 hingga 18 Mac 2018 (Jumaat, Sabtu dan Ahad) bertempat di UNISEL, Kampus Bestari Jaya. Disamping itu, pelbagai aktiviti, acara dan kejohanan sukan telah dijadualkan pada hari tersebut.

Oleh demikian, penggunaan padang serta semua kemudahan di Pusat Sukan akan ditutup sementara bagi kerja-kerja penyediaan persiapan sempena Hari Terbuka UNISEL 4.0 nanti. Persiapan tersebut melibatkan penambahbaikan padang, fasiliti, pembersihan dan juga pemasangan khemah dan penyediaan gelanggang kejohanan. Penutupan sementara adalah bermula pada **13 Mac 2018 (Selasa) sehingga 19 Mac 2018 (Isnin)**.

Sebagai makluman semua, penggunaan padang dan kemudahan di Pusat Sukan hanya **akan beroperasi semula pada 20 Mac 2018 (Selasa)** selepas kerja-kerja pembersihan dilakukan.

Dikesempatan ini, pihak Jawatankuasa Induk Hari Terbuka UNISEL 4.0 ingin menjemput semua staf dan pelajar untuk turut sama menghadiri dan memeriahkan lagi Hari Terbuka UNISEL 4.0. Semoga UNISEL terus gemilang dan cemerlang di dalam memacu transformasi UNISEL. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada urus setia program seperti berikut ;

Nama : Puan Nurul Hanim Mohd Amin  
Pengarah Pusat Sukan

No. Telefon : 016-6668240

E-mel : [nhanim85@unisel.edu.my](mailto:nhanim85@unisel.edu.my)

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Wassalam

Ikhlas



**SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF**  
Pendaftar